

# Bilangan Penduduk-penduduk Islam Di Dunia

Oleh Abbas Ali Khan

Terjemahan: Abdullah Hashim

## **Penduduk Islam yang Sebenarnya:**

Islam, adalah suatu agama yang sedang berkembang subur di seluruh dunia, sekarang ini terkenal di serata ceruk dan rantau, atau di mana-mana sahaja di permukaan bumi yang luas ini. Yang sangat mendukacitakan adalah hanya sebilangan kecil sahaja daripada ahli-ahli pelajarnya yang dapat memberi jumlah penganut-penganut agama suci ini dengan tepat.

Orang-orang bukan Islam telah memberi perhitungan jumlah orang-orang Islam di dunia ini sebanyak 200 hingga 450 juta sahaja yang mana sangat berkurangan, jika dibandingkan dengan jumlah sebenarnya. Seorang penulis Barat, James Fisher, dalam bukunya "*The Wonderful World*" telah mentafsirkan bahawa penduduk dunia yang beragama Islam ialah sebanyak 200 juta; majalah "*Life*" menyatakan sebanyak 300 juta, manakala majalah "*Times*" memberikan bilangan yang sebanyak 430 juta. Anggaran-anggaran ini diberikan pada tahun 1963.

Dengan jalan bancian di antara negeri-negeri, maka penulis telah dapat membuat kesimpulan bahawa penduduk dunia yang beragama Islam sebenarnya pada hari ini ialah berjumlah 659 juta lebih.

## **Muslimin di India:**

Sebelum diteruskan kajian ini, maka eloklah dibincangkan sedikit berkenaan dengan bilangan pemeluk-pemeluk Islam di negeri-negeri yang tertentu.

Mengikut bancian rasmi yang telah dikeluarkan pada tahun 1961, orang-orang Islam yang tinggal di India adalah berjumlah 47.5 juta. Beberapa tahun yang terdahulu dari itu (sebelum tahun 1961) bekas Menteri Pertahanan India telah menyatakan bahawa bilangan orang-orang Islam di India sebanyak 70 juta. Jadi yang demikian, di mana lenyapnya 12.5 juta itu? Apakah telah terjadi kepada mereka? Inilah yang menjadi soalan berat yang menjadi tanda tanya bagi pihak-pihak berkuasa Islam di India dan Pakistan.

Dalam makalah ini angka anggaran yang diberikan ialah 57.5 juta

## **Muslimin di Negeri China**

Pada tahun 1921, seorang ulama Islam China telah memberi anggaran jumlah pemeluk-pemeluk Islam di negeri China sebanyak 70 juta orang. Dalam tahun 1925 bilangan tersebut tinggal 65 juta. Mengikut "*China Headbook*" (sebuah majalah catitan rasmi negeri China), yang dikeluarkan pada tahun 1948, jumlah orang-orang Islam di sana ialah 48

juta sahaja. Yang demikian, dari segi kiraan perhitungan perkembangan manusia, dengan perhitungan yang serendah-rendahnya sahaja, maka pemeluk-pemeluk Islam yang terdapat di sana ialah 65 juta lebih.

## **Muslimin di Rusia:**

Mengikut banci yang dilancarkan oleh kerajaan Soviet Rusia pada tahun 1924, jumlah orang-orang Islam ialah sebanyak 34 juta, tetapi mengikut serang ulama Turki, pada masa itu, jumlah orang-orang Islam di Rusia ialah lebih 50 juta. Jumlah pukul rata iaitu di Rusia Eropah dan Rusia Asia adalah 46,489,000.

## **Muslimin di Amerika Syarikat:**

"*The World Book of Church*" (1963) telah memberi anggaran bilangan pemeluk-pemeluk Islam di sana sebanyak 35,000 orang. Jumlah tersebut adalah dikira atas mereka-mereka yang pergi bersembahyang di masjid-masjid sahaja. Oleh kerana masjid-masjid di Amerika sangat berkurangan, maka kita tidaklah boleh menganggap bilangan ini tepat. Mengikut anggaran James Khalil, seorang bekas *President* Kesatuan Islam Amerika dan Kanada, jumlah pemeluk-pemeluk Islam di sana 400,000 orang.

## Bilangan Penduduk Islam

Anggaran tersebut dibuat kira-kira enam tahun dahulu (1962), dan sekarang ini jumlahnya telah meningkat berganda-ganda, kerana orang-orang Negro dan kuli putih banyak yang telah memeluk Islam dan di sana hampir di tiap-tiap buah bandar raya di Amerika hari ini terdapat pusat-pusat pengajian Islam.

### Afrika Kota Agung Islam

Dalam dunia Islam, Afrika adalah tapak Islam yang istimewa. Di sanalah pemeluk-pemeluk agama yang suci dan benar

ini terbanyak sekali bilangannya. Pusat-pusat pengajian Islam yang terbesar didapati di Kairo, Timbuktu, Tripoli dan Kanu. Di Afrika Selatan, terdapat hanya 2% daripada bilangan penduduknya yang beragama Islam, tetapi namun demikian mereka sangat aktif dalam menjalankan dakwah dan amalannya.

### Penutup:

Sebagai pukol rata, bolehlah dikatakan bahawa pemeluk-pemeluk agama Islam di seluruh dunia hari ini berjumlah 650 juta lebih. Itu pun kebanyakan daripada banci-banci dibuat kira-kira lima

belas tahun dahulu; tidak dapat disangkal lagi bahawa jumlahnya yang sebenar berlebihan daripada yang tercatat.

### Peringatan:

Di bawah ini kita siarkan satu senarai bancian penduduk-penduduk Islam di seluruh dunia hari ini yang sebenarnya yang kita salin dari majalah "*al-Ittihād*" yang diterbitkan oleh "**Persatuan Pelajar-pelajar Islam**" (*The Muslim Students Association*) di Amerika Syarikat dan Kanada keluaran bulan *March* 1968 (Jilid 4 nombor 2). –  
Pengarang.

### SENARAI PEDUDOK2 ISLAM YANG SA-BENAR-NYA

#### DI-SALUROH DUNIA:

Negeri	Bilangan	Tahun Banchian
<b>AFRIKA:</b>		
1. Andorra	1,000	1951
2. Algeria	10,776,000	1964
3. Angola	1,690,000	1951
4. Basutoland	180,000	1951
5. Beschuanaland	80,000	1951
6. Cameron	2,640,000	1964
7. Cape Verdi	60,000	1951
8. Republik Afrika Tengah	750,000	1964
9. Chad	1,470,000	1962
10. Congo	500,000	1951
11. Dahomey	1,230,000	1964
12. Eritrea	750,000	1964
13. Habshah	11,100,000	1966
14. Equitorial Afrika Pranchis	2,450,000	1962
15. Somalia	67,000	1962
16. Gabon	246,000	1962
17. Gambia	240,000	1962
18. Ghana	2,450,000	1962
19. Guinea	2,850,000	1962
20. Ivory Coast	1,855,250	1964
21. Kenya	2,276,000	1966
22. Liberia	560,000	1962
23. Libya	1,559,399	1964
24. Madagaskar	1,395,000	1962

Negeri			Bilangan		Tahun Banchian
25. Mali	...	...	3,874,500	...	1964
26. Mauritania	...	...	791,000	...	1962
27. Mauritius	...	...	110,422	...	1964
28. Morocco	...	...	11,686,500	...	1965
29. Mozambik	...	...	3,160,000	...	1951
30. Nayasaland	...	...	1,530,000	...	1951
31. Niger	...	...	2,556,970	...	1965
32. Nigeria	...	...	41,250,000	...	1965
33. Portugese Guinea	...	...	299,000	...	1962
34. Reunion Island	...	...	136,000	...	1951
35. Rawandi & Burundi	...	...	2,510,000	...	1962
36. Senegal & Dakar	...	...	2,831,000	...	1965
37. Pulau Seychelles	...	...	5,000	...	1951
38. Serra Leone	...	...	1,592,500	...	1965
39. Spainsh Guinea	...	...	162,000	...	1962
40. Spainsh Sahara	...	...	23,000	...	1962
41. Repablik Somalia	...	...	4,500,000	...	1965
42. Southern Rhodesia	...	...	640,000	...	1951
43. Sudan	...	..	10,225,400	...	1965
44. Tanzania	...	...	5,925,000	...	1965
45. Togo	...	...	836,000	...	1965
46. Tunis	...	...	3,994,350	..	1965
47. Uganda	...	...	1,120,000	...	1965
48. United Arab Repablik	...	...	24,465,560	...	1965
49. Union of South Afrika	...	...	200,000	...	1951
50. Upper Volta	...	...	2,420,000	...	1965
51. Zambia	...	...	502,000	...	1951

---

Jumlah 174,412,851

---

ASIA:

1. Abu Dhabbi	...	...	25,000	...	1966
2. Aden	..	..	1,200,00	...	1962
3. Afghanistan	...	...	13,900,000	...	1964
4. Bahrain	...	...	144,000	...	1962
5. Bhutan	...	...	15,000	...	1951
6. Brunei	...	...	76,000	...	1964
7. Buraimi	...	...	54,000	...	1951
8. Burma	...	...	2,000,000	...	1962
9. Cambodia	...	...	370,000	...	1951
10. Ceylon	...	...	600,000	...	1951
11. China	...	...	65,000,000	...	1966
12. Gaja	...	...	237,000	...	1951
13. Hong Kong	...	...	210,000	...	1951
14. India	...	...	57,500,000	...	1963
15. Indonesia	...	...	95,880,276	...	1964
16. Iran	...	...	22,051,960	...	1964
17. Iraq	...	...	7,520,246	...	1966
18. Jammu & Khashmir	...	...	4,200,000	...	1960

Negeri		Bilangan		Tahun Banchian
19. Japan	...	10,000	...	1966
20. Jordan	...	1,571,570	...	1964
21. Korea	...	1,000	...	1965
22. Kuwait	...	495,000	...	1966
23. Laos	...	120,000	...	1951
24. Lebanon	...	938,220	...	1964
25. Malaysia	...	5,195,370	...	1964
26. Pulau Maldiv	...	92,350	...	1966
27. Muscat & Oman	...	550,000	...	1962
28. Nepal	...	130,000	...	1951
29. New Guinea	...	500,000	...	1951
30. Pakistan	...	91,520,000	...	1965
31. Philippines	...	3,439,70	...	1963
32. Qatar	...	45,000	...	1951
33. Saudi Arabia	...	11,000,000	...	1965
34. Syria	...	4,408,290	...	1965
35. Taiwan	...	40,000	...	1964
36. Thailand	...	3,000,000	...	1964
37. Timor Island	...	149,000	...	1951
38. Trucia States	...	60,000	...	1962
39. Turkey	...	28,768,410	...	1965
40. U.S.S.R. (Asia)	...	36,489,000	...	1951
41. Vietnam	...	2,500,000	...	1964
42. Yemen	...	4,950,000	...	1965
		<hr/>		
Jumlah		446,956,392		
		<hr/>		
EROPAH:				
1. Albania	...	1,286,200	...	1964
2. Bulgaria	...	900,000	...	1951
3. Cyprus	...	12,000	...	-
4. Czechoslovakia	...	140,580	...	1966
5. Finland	...	1,500	...	1963
6. Pranchis	...	493,000	...	1951
7. Greece	...	200,000	...	1951
8. Hungary	...	57,000	...	1951
9. Italy	...	509,550	...	1966
10. Lithuania	...	11,500	...	1951
11. Malta	...	35,780	...	1966
12. Poland	...	100,000	...	1951
13. Rhodes	...	16,000	...	1951
14. Rumania	...	378,540	...	1966
15. United Kingdom	...	240,000	...	1962
16. U.S.S.R. (Eropah)	...	10,000,000	...	1951
17. German Barat	...	100,000	...	1963
18. Yugoslavia	...	2,120,690	...	1964
		<hr/>		
Jumlah		16,602,340		
		<hr/>		

AMERIKA UTARA & SELATAN & AUSTRALIA:

Negeri	Bilangan	Tahun Banchian
1. Argentina	250,000	...
2. Australia	10,300	1965
3. New Zealand	200	...
4. Iran Barat	80,000	1965
5. Pulau Fiji	109,000	1951
6. Amerika Utara	400,000	1960
7. Amerika Selatan (tanpa Argentina)	349,000	...
8. Trinidad & Kepulauan India Barat	75,000	...
<b>Jumlah</b>	<b>1,273,500</b>	

Jumlah penduduk2 Islam seluruh dunia: 659,245,083. (di-antara tahun 1951-1966. Mungkin dalam masa dua tahun ini jumlah tersebut telah bertambah lagi).

SUDAH TERBIT!

## Kesah2 Dari Sejarah Islam Untuk Bacaan Kanak2

Isi-lah Almari "TAMAN BACHAAN" anak tuan2 di-rumah dan di-sekolah2 dengan buku2 cherita yang berdasarkan pendidekkan Islam. Mendidek jiwa kanak2 ka-arrah semangat chintakan Islam ada-lah kewajipan ibu bapa dan guru2. Galakkan-lah anak tuan2 membacha buku "Siri Kesah Tokoh2 Sejarah Islam" yang kami susun khas untuk bacaan kanak2 bagi menambah pengetahuan mereka memperkenali Tokoh2 Islam di-zaman silam.

Buku ini kami terbitkan dengan chara bersiri2 dan akan di-terbitkan terus menerus dari suatu masa ka-suatu masa.

Siri	I	:	RUPA YANG BUROK	...	...	40 sen
"	II	:	RAHSIA TERBUKA	...	...	50 "
"	III	:	MENJINAKKAN	...	...	50 "
"	IV	:	GABNOR dan HAKIM	...	...	60 "
"	V	:	DUSTA YAHUDI	...	...	40 "
"	VI	:	MENCHARI YANG HALAL.	..	...	40 "
"	VII	:	IBNU SINA	...	...	(Sedang di-siapkan)
"	VIII	:	KHAULAH dengan SUAMINYA	...	...	"
"	IX	:	DI-PENCHILKAN	...	...	"

Tiap2 pesanan tambah wang stem 10 sen.

(Untuk satu siri)

Pesan-lah kapada:

QALAM  
8247, Jalan 225,  
Petaling Jaya,  
SELANGOR.